

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9 JULY 2017

Dr M wajar kenang jasa UMNO

BH - 9/7/2017 Pg. 8

Bagan Datuk: Tun Dr Mahathir Mohamad wajar mengingati jasa UMNO kepadanya dan keluarga, bukan menjadikan bekas partinya itu ibarat 'habis madu sepah dibuang'.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata pemimpin ada kelemahan kerana sifat manusia tidak sempurna dan Dr Mahathir yang selalu mengungkapkan pepatah 'Melayu mudah lupa', sebenarnya beliau yang mudah lupa.

"Ingatlah jasa UMNO kepada kamu, ingatlah kamu berada di situ (sebagai Perdana Menteri) kerana UMNO," katanya ketika merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Bagan Datuk, di sini semalam.

Ahmad Zahid memberi contoh pelbagai kontroversi membelenggu Dr

Mahathir ketika menjadi Perdana Menteri seperti isu Bumiputera Malaysia Finance (BMF), Perwaja, Malaysian International Shipping Corporation serta kerugian besar PROTON.

"Kalau sudah pencen, diam-diamlah, lebih baik duduk berzikir. Dulu, kita jaga aib dia, kenapa dia nak buka aib orang," katanya yang juga Naib Presiden UMNO menjalankan tugas Timbalan Presiden serta Ketua UMNO Bahagian Bagan Datuk.

Umpama 'jilat ludah sendiri'

Beliau turut menyifatkan tindakan Dr Mahathir mengangkat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon Perdana Menteri sebagai tindakan 'meludah ke langit terkena diri sendiri' serta 'menjilat ludah sendiri'.

Di **Shah Alam**, Pengerusi UMNO

Selangor, Datuk Seri Noh Omar, berkata persoalan yang timbul adalah sama ada Dr Mahathir sanggup memberikan jawatan Perdana Menteri kepada Anwar, sedangkan beliau sendiri sebelum ini menyatakan sedia menjawat jawatan itu.

"Kalau Tun (Dr Mahathir) mahu jadikan Anwar sebagai Perdana Menteri, sudah tentu ketika Anwar jadi Timbalan Perdana Menteri dahulu lagi. Sepatutnya selepas Tun berundur, Anwar yang naik jadi Perdana Menteri.

"Namun siapa singkirkan Anwar? Tun sendiri. Persoalannya adakah sekarang Tun sanggup beri jawatan Perdana Menteri kepada Anwar?" katanya yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada BH, semalam.